

# AADK yakin komuniti kendali program 2010

Sinar 9/12/2009



● Halili (tiga, kiri) merakam kenangan bersama pemenang dan peserta program Rada Memburu Bintang 2009, anjuran AADK Daerah Gombak di Pusat Membeli Belah Selayang Mall.

**SELAYANG UTAMA** – Pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Gombak yakin masyarakat di daerahnya mampu mengendalikan sendiri program kesedaran penyalahgunaan dadah bermula tahun hadapan khususnya melalui penubuhan dan penyertaan mereka dalam Program Rakan Anti Dadah (Rada).

Ketua Pegawai AADKnya, Halili Busu berkata, untuk itu pihaknya mengharapkan sokongan penuh supaya pihak terlibat mahupun korporat setempat membantu menganjurkan program ber-

kaitan untuk masyarakat.

“Misalnya dalam program kali ini, kami dengan kerjasama Pusat Membeli Belah Selayang Mall telah mengatur program Rada Memburu Bintang Anjuran AADK Daerah Gombak.

“Bagaimanapun pada tahun hadapan contohnya, pihak Selayang Mall sendiri akan menganjurkan program berkaitan anti dadah ini untuk masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada program pertandingan karaoke berkenaan yang berkonsepkan ‘Berhibur Tanpa Dadah’.

Ditanya pengisian program dijalankan, menurutnya selain mencari dan mencungkil bakat ahli Rada, penganjuran program seumpamanya memudahkan pihaknya menambah penyertaan ahli baru Rada.

“Antara aktiviti dan kesedaran berkaitan diadakan pada program itu termasuklah kuiz di mana peserta diminta menyampaikan mesej anti dadah sebelum menyanyi.

“Pameran pencegahan dadah dan makluman mengenai Program Rada sebagai salah satu aktiviti menjurus komuniti bebas

dadah turut diuar-uarkan kepada orang ramai di situ,” katanya.

Menurutnya, pihaknya berjaya mendaftarkan 100 ahli baru Rada pada pertandingan karaoke itu dan memaklumkan sehingga kini terdapat 2,000 ahli di bawah AADK daerah Gombak.

Difahamkan hadiah bagi peserta karaoke yang disertai 30 belia dan dewasa pelbagai kaum itu turut ditaja pihak Selayang Mall.

Pertandingan berkenaan dimenangi Puteri Teja Alias, 18, dari Pantai Dalam, Kuala Lumpur.